

BAB 4 : PEMIKIRAN POLITIK DASAR PEMBAHARUAN FAN ZHONGYAN.

4.1 Latarbelakang Pembaharuan Qingli

Zaman pemerintahan maharaja Song Zhen Zong , Ren Zong dan Ying Zong berlanjutan selama lebih dari 60 tahun . Dalam masa 60 tahun ini , dasar pemusatan kuasa diperkukuhkan dan masyarakat berada dalam suasana yang berkembang . Namun begitu , masa ini juga merupakan masa kemerosotan kuasa pemerintahan di mana pemerintahan dinasti Song telah terjerumus ke dalam lembah krisis yang semakin serius .¹

Secara umum , boleh dikatakan bahawa penyatuan negara merupakan impian yang ghairah dikejar dan dinanti-nantikan oleh maharaja-maharaja . Pada permulaan dinasti Song Utara , matlamat ini telah dicapai akibat daripada langkah mengambil alih kuasa tentera dan dasar pemusatan kuasa oleh maharaja Song Tai Zu . Apabila negara telah bersatu , maka keamanan mula wujud dalam dinasti Song . Walau bagaimanapun , keamanan dan kestabilan yang berlanjutan melalui masa yang lama tanpa apa-apa perubahan bukanlah satu gejala yang menggalakkan . Ini dapat dilihat dari sejarah Song awal . Pada zaman pemerintahan Song Tai Zu hingga Song Zhen Zong , menteri seperti Li Fang 李昉 (925—996) , merupakan menteri tua yang bermurah hati dan hanya bertanggungjawab ke atas kedudukan

¹ Chen Rongzhao , op.cit . , m.s.125 .

sendiri . Manakala menteri seperti Wang Dan 王旦(957—1017) pula hanya menjalankan tugas tanpa apa-apa perubahan yang besar dan pada masa usia tua , beliau suka menyambut kehendak maharaja (iaitu Song Zhen Zong) . Ini boleh dilihat dari peristiwa di mana beliau mengagong-agongkan dan mematuhi “ Surat dari Tuhan ” atau *Tianshu* 天书 ² daripada maharaja serta mengagongkan pula rumah berhala . Mereka merupakan golongan yang konservatif dan suka mengampumu . Sikap menteri-menteri yang seterusnya juga sama seperti mereka . Hanya Kou Zhun 寇准 (961—1023) yang berupaya menjalankan tugas dan memberi sumbangan kepada dinasti Song , namun beliau telah difitnah oleh Wang Qingruo 王钦若 (962—1025) dan Ding Wei 丁谓 (962—1033) sehingga diturunkan pangkat dan meninggal di Leizhou 雷州 . Justeru itu , pada permulaan Song Ren Zong , dinasti Song masih diliputi oleh suasana konservatif tanpa perubahan yang besar . Dalam hubungan ini , dasar dan sistem politik dinasti Song semakin lemah , khususnya dasar luar yang terbaik-baik dengan orang gasar di mana walaupun mengadakan pakatan dengan orang Khitan , namun rusuhan dan pemberontakan masih berleluasa daripada Xi Xia . Ini telah membawa masalah yang serius terhadap dinasti Song . di sempadan barat . ³

² *Tianshu* 天书 membawa maksud “ Surat dari Tuhan ” . Maharaja Zhen Zong asyik mengisytiharkan *tianshu* dengan tujuan mengalih pandangan rakyat jelata . Baginda membina tokong-tokong dan ghairah membuat sembahyang di gunung Tai 泰山 . Tindakan ini menelan belanja yang banyak dan tenaga buruh yang ramai . Baginda asyik membuat hal-hal berkaitan dengan sembahyang dan kuasa memerintahan dinasti Song berada dalam tangan maharani Liu 刘 pada masa itu . Peristiwa *tianshu* ini berlanjutan selama 15 tahun sehingga maharaja Zhen Zong meninggal dunia . Peristiwa *tianshu* ini terus membawa kepada pembaziran dan kemerosotan terhadap sistem politik dan seluruh ekonomi dinasti Song .

³ Wang Deyi 王德毅, “Fan Zhongyan yu Qingli zhengju” 范仲淹与庆历政局 (Fan Zhongyan dan Keadaan Politik Tempoh Qingli), *Jinian Fan Zhongyan yiqiannian dancheng guoji xueshu yantaohui lunwen ji* 纪念范仲淹一千年诞辰国际学术研讨会论文集 , m.s. 907 & 908 .

Sistem pemusatan kuasa yang dilakukan oleh maharaja Song Tai Zu telah membawa kesan yang negatif terhadap dinasti Song pada masa kemudiannya . Pegawai-pegawai kerajaan yang tidak bertanggungjawab , loba dan korup kian melemahkan dinasti Song . Manakala kerabat diraja yang memboroskan wang dengan sewenang-wenangnya telah memberi kesan yang langsung terhadap dinasti Song . Walaupun cukai negara telah dinaikkan setahun demi setahun , namun pendapatan negara tetap mengalami kerugian yang teruk . Askar-askar dan pegawai-pegawai kerajaan yang berlebihan telah menjejaskan sistem ekonomi dinasti Song .

Pada tahun 1039 , dinasti Song berperang dengan Xi Xia , akibat dari itu , sistem kewangan negara turut terjejas dan kehidupan rakyat bertambah susah dan menderita . Boleh dikatakan bahawa pendapatan negara semakin mengurang disebabkan oleh “ tiga keterlaluan dan tiga pembaziran ” atau dikenali sebagai *san rong san fei* 三元三费 . *San rong* merujuk kepada : (1) Walaupun jawatan pegawai kerajaan telah ditetapkan , tetapi jumlah bilangannya adalah tidak terhad di mana pegawai daerah bertambah sehingga lima kali ganda jika dibandingkan dengan masa dahulu . (2) Berpuluh-puluh ribu askar daerah tidak mengambil bahagian dalam peperangan tetapi masih berada dalam tentera sehingga membebankan ekonomi negara . (3) Bilangan untuk sami-sami bertambah ramai tetapi kebanyakan mereka telah menjadi sami untuk mendapatkan faedah sahaja dan dikatakan bahawa mereka yang melanggar peraturan Buddhist telah mencapai tahap lebih dari 500,000 . Manakala *san fei* pula merujuk kepada : (1) Pendeta agama Dao yang menggunakan wang negara untuk menjalankan upacara sendiri

tetapi atas nama berdoa untuk harijadi maharaja dan kesejahteraan rakyat . (2) Banyak rumah berhala telah didirikan di mana ramai orang upah diambil dengan tujuan membeli baju dan makanan seharian untuk pegawai . (3) Walaupun menteri-menteri telah dipecatkan jawatan , namun menteri-menteri tersebut masih menggunakan nama jawatan gabenor tentera untuk memperolehi keuntungan . Ini sekali lagi membazirkan wang negara .⁴

Krisis ekonomi bertambah serius tahun demi tahun . Para intelek turut berpendapat bahawa dasar pembaharuan adalah wajar dijalankan demi membawa nafas baru kepada dinasti Song . Para intelek seperti Wang Yucheng 王禹偁 (954—1001) telah mengemukakan “Laporan Mengenai Lima Perkara” atau *wushi* 五事 kepada Maharaja demi menyelamatkan dinasti Song dari pelbagai krisis pada tahun 997 . Li Zi 李诒 dan Yu Xianqing 俞献卿 pula mengemukakan pandangan masing-masing demi mengurangkan beban rakyat pada tahun 1023 . Han Qi pula telah menghantar “Laporan Tentang Tujuh Perkara” dan kemudian “Laporan Mengenai Lapan Perkara” yang perlu dilaksanakan demi memperkuat negara .

Boleh dikatakan bahawa cadangan pembaharuan yang dikemukakan oleh para intelek ini merupakan asas dan pendorong utama Fan Zhongyan untuk menggerakkan jentera pembaharuan pada dinasti Song .

⁴ Chen Rongzhao , op.cit. , m.s. 129 & 130 .

4.2 Isi Kandungan Pembaharuan Qingli

Dalam menghadapi krisis politik dalaman dan luaran, ahli politik dinasti Song biasanya mempunyai berbagai sikap dan pandangan yang berlainan. Biasanya mereka boleh dibahagikan kepada 3 kategori, iaitu (1) mereka yang mempunyai sikap yang asyik mengampu-ampukan pemerintah, (2) mereka yang cuba membetulkan kelemahan secara luaran dan kecil-kecilan sahaja, dan (3) sikap yang menjalankan pembaharuan secara keseluruhannya. Dalam hubungan ini, Fan Zhongyan adalah mewakili pihak yang ketiga di mana beliau telah mengemukakan “Laporan mengenai Sepuluh Perkara” dengan mencadangkan satu sistem yang lebih lengkap dan menyeluruh atas tujuan memperkuatkan negara.

Jika dilihat secara teliti, didapati bahawa pembaharuan Qingli merupakan satu pembaharuan “minor”⁵ yang diketuai oleh Fan Zhongyan pada tahun 1043—1045. Isi kandungan pembaharuan Qingli yang dikemukakan oleh Fan Zhongyan termasuklah:

1. Dasar kenaikan dan keturunan pangkat yang jelas (*ming chuzhi* 明黜陟)

⁵ Dasar ini merupakan dasar pembaharuan yang “minor” jika dibandingkan dengan pembaharuan Wang Anshi yang dianggap pembaharuan “major”. Walau bagaimanapun, ianya memberi kesan yang langsung terhadap Wang Anshi. Walaupun Dasar Pembaharuan Wang Anshi muncul selepas 24 tahun dari masa kegagalan Dasar Pembaharuan Qingli, namun kedua-dua pembaharuan politik ini sememangnya mempunyai pertalian yang rapat di antara satu sama lain kerana Wang Anshi telah mendapat ilham daripada pembaharuan Qingli ini. Pembaharuan politik yang minor ini walaupun dihentikan pada masa lebih kurang setahun sahaja, namun ahli-ahli sejarah tetap memberi penghormatan yang tinggi terhadap sumbangan Fan Zhongyan.

2. Dasar mengawal sistem “perlindungan” (*yi jiaoxing* 抑侥幸)
3. Dasar pelaksanaan peperiksaan secara teliti (*jing gongju* 精贡举)
4. Dasar perlantikan pegawai yang berkesan (*ze guanzhang* 择官长)
5. Dasar pembahagian pendapatan yang lebih adil melalui sistem sawah awam (*jun gongtian* 均公田)
- Dasar mementingkan sektor pertanian (*hou nongshang* 厚农桑)
7. Dasar memperbaiki dan menguatkan sistem ketenteraan dan pertahanan (*xiu wubei* 修武备)
8. Dasar meringankan sistem kerahan (*jian yaoyi* 减徭役)
9. Dasar mementingkan kurniaan Maharaja (*tan enxin* 覃恩信)
10. Dasar mementingkan undang-undang dan perintah diraja (*zhong mingling* 重命令)

Jika ditinjau dengan teliti, dasar pembaharuan yang dikemukakan oleh Fan Zhongyan meliputi 4 aspek, iaitu (1) bidang pentadbiran, (2) sistem yang memperbaiki kehidupan rakyat dan ketenteraan, (3) sistem peperiksaan dan (4) sistem undang-undang dan kuasa raja.

Bidang pentadbiran merupakan bidang yang diberi penekanan yang serius oleh Fan Zhongyan. Beliau berpendapat bahawa sistem lama yang dijalankan oleh maharaja-maharaja sebelum ini merupakan punca kelemahan dinasti Song. Beliau menegaskan bahawa sekiranya pembaharuan yang dicadangkan oleh

beliau dapat dilaksanakan, perjuangan untuk membangun semula dinasti Song pasti akan mencapai kejayaan yang hakiki dan abadi.

4.2.1 Pembaharuan dalam Bidang Pentadbiran

Dalam cadangan yang dikemukakan oleh beliau kepada maharaja, Fan Zhongyan telah membincangkan beberapa langkah yang harus dijalankan dalam bidang pentadbiran seperti di bawah.

Seperti yang disebut dulu, masalah pegawai-pegawai yang berlebihan adalah satu masalah yang serius dalam kerajaan Song. Boleh dikatakan bahawa sistem “rahmat dan perlindungan” (*enyin*)⁶ dan penyelewengan dalam sistem *mokan* 磨勘⁷ merupakan faktor utama masalah pegawai yang berlebihan pada dinasti Song.

Sistem *enyin* yang tidak efektif sebenarnya merupakan batu penghalang kepada kemajuan dalam sistem pentadbiran dinasti Song. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sistem *enyin* yang dijalankan oleh pemerintah Song sesungguhnya bertujuan untuk mendapatkan sokongan dan menarik hati para

⁶ Sistem *enyin* melibatkan hak istimewa yang diberikan kepada anak cucu, saudara-mara golongan bangsawan dan pegawai-pegawai tinggi.

⁷ Sistem *mokan* adalah sistem kenaikan pangkat yang mementingkan tempoh berkhidmat pegawai-pegawai kerajaan.

pegawai demi memperkukuhkan kedudukan serta martabat maharaja . Akibat dari itu , bilangan pegawai telah meningkat sehingga ke satu tahap yang serius .

Akibat penyelewengan daripada sistem *enyin* , ramai daripada kerabat diraja atau saudara-mara mereka dan keluarga yang kaya turut menikmati hak istimewa yang berterusan . Bertitik tolak daripada persepsi inilah , rakyat biasa yang berkebolehan tetapi bukan dari kerabat diraja atau keluarga yang kaya terpaksa disingkirkan dengan begitu sahaja . Seajar dalam hubungan ini , orang-orang yang berkebolehan tidak berpeluang untuk menceburkan diri dalam arus pembangunan negara dan seterusnya dinasti Song sendirilah yang menerima padahnya .

Sesungguhnya sistem *mokan* membawa implikasi yang langsung terhadap sistem pentadbiran dinasti Song . Menurut sistem *mokan* yang diamalkan pada masa itu , pegawai-pegawai awam dapat dinaikkan pangkat selepas tamat tempoh perkhidmatan selama 3 tahun , manakala pegawai-pegawai tentera pula akan dinaikkan pangkat selepas lima tahun . Prosedur ini membolehkan pegawai-pegawai kerajaan dan kerajaan daerah menaikkan pangkat secara automatik tanpa melihat perkhidmatan yang disumbangkan oleh pegawai-pegawai tersebut . Melalui sistem *mokan* , hanya melalui masa perkhidmatan yang diperlukan , pegawai tersebut dapat dinaikkan pangkat . Malahan sistem kenaikan pangkat sedemikian telah menjadi satu prosedur yang ditetapkan dan diterima oleh semua pegawai kerajaan . Secara lebih jelas , sistem *mokan* merupakan satu sistem penilaian yang unik dan

bercanggahan dengan sistem pemeriksaan *keju* yang memberi penekanan kepada kelayakan dan kebolehan para pegawai .

Sama ada disedari ataupun tidak , pemerintah Song lebih berminat dalam memberi hak istimewa kepada golongan-golongan tertentu tetapi kurang menyiapkan diri dalam memperkuat dasar-dasar pentadbiran negara . Fan Zhongyan sedar bahawa sekiranya sesuatu pembaharuan tidak dijalankan , maka dinasti Song akan mengalami nasib yang begitu buruk bahkan terpaksa melepaskan kekuasaan kepada puak-puak asing .

Untuk mengelakkan negara daripada ancaman luar negeri , pembaharuan dalaman harus dijalankan . Fan Zhongyan mengemukakan tiga langkah yang sewajarnya , iaitu (1) pembaharuan dalam kenaikan pangkat , (2) pembaharuan dalam sistem perlindungan dan (3) pembaharuan dalam sistem perakuan pegawai demi memperbaiki bidang pentadbiran dinasti Song .

Dasar kenaikan pangkat dengan cara yang jelas yang dicadangkan oleh Fan Zhongyan sebenarnya bertujuan untuk memastikan kenaikan pangkat pegawai-pegawai adalah berdasarkan kepada kelayakan dan sumbangan yang diberikan oleh pegawai-pegawai tersebut . Menurut Fan , sistem *mokan* secara tidak langsung telah melahirkan ramai pegawai yang malas di mana mereka hanya menerima gaji tanpa berusaha kuat . Fan mengkritik sistem ini sebab ramai daripada pegawai kerajaan hanya bersuka ria semasa bekerja . Bahkan mereka

mengejek dan memberi sindiran terhadap pegawai-pegawai yang menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab . Menurut Fan , hal ini harus dipandang serius kerana sekiranya perkara seperti ini berlanjutan , pegawai-pegawai yang berkebolehan tidak berani untuk mengemukakan idea-idea yang bernas yang boleh mendatangkan kebaikan demi negara . Dengan lain perkataan , wujudlah ramai pegawai yang bersifat oportunistik dengan harapan mempergunakan kedudukan yang sedia ada untuk mendapatkan faedah . Sikap yang mementingkan diri di kalangan pegawai ini merupakan satu senjata tajam yang dapat merobohkan benteng pentadbiran dinasti Song .

Mengikuti pembaharuan yang dikemukakannya , Fan Zhongyan mencadangkan supaya kenaikan pangkat jawatan pegawai perlu berdasarkan kepada hasil dan rekod kemajuan pegawai tersebut dalam tempoh perkhidmatannya . Selain itu , pegawai-pegawai yang menjalankan tugas di ibukota harus bertanggungjawab terhadap perbelanjaan negara dan mereka yang dapat menjimatkan wang harus dinaikkan pangkat .⁸ Manakala bagi pegawai-pegawai yang tidak bertugas di ibukota pula , mereka yang berjasa , misalnya mereka yang berjaya memulihkan kedudukan rakyat yang tidak berdosa tetapi telah dipenjarakan secara tidak adil harus dinaikkan pangkat oleh maharaja tanpa disekat oleh sistem *mokan* . Selain itu , bagi pegawai-pegawai yang sudah tua dan tidak berupaya , Fan mencadangkan supaya mereka ini diatur dengan cara yang lain supaya memberi peluang yang lebih besar kepada golongan terpelajar muda yang berkebolehan .

⁸ "Da shouzhao tiaochen shishi" 答手诏条陈十事 , *FWZJ* , m.s. 503 .

Jika ditinjau dengan teliti, didapati Fan Zhongyan amat tidak puas hati dengan sistem yang mengakibatkan masalah pegawai berlebihan yang seterusnya menimbulkan masalah yang serius terhadap dinasti Song. Fan mengemukakan pandangan supaya menghadkan pegawai-pegawai dari jabatan dan biro kerajaan yang mempunyai hak untuk memperakukan anak cucu mereka kepada maharaja untuk dijadikan pegawai tempatan. Secara amalan, pengesyoran ini dibuat setiap tahun semasa upacara pemujaan Tuhan yang dijalankan oleh maharaja. Manakala tibanya Hari Keputeraan maharaja pula, pegawai-pegawai juga diberi hak untuk memperakukan anak mereka supaya memegang jawatan kerajaan. Fan mencadangkan bahawa bilangan pegawai-pegawai ini dihadkan untuk mengurangkan jumlah pegawai yang meningkat dengan begitu serius melalui sistem *enyin*. Pada masa yang sama, tujuannya ialah mengelakkan saudara-mara pegawai kerajaan dari merebut-rebut jawatan kerajaan dan kuasa. Di samping itu, Fan mengharapkan supaya memahami fungsi dan matlamat biro-biro dan institusi akademik kerajaan, iaitu *Guan dan ge* 館閣 di mana penekanan harus diberikan kepada pengambilan dan perkembangan orang-orang yang berkebolehan. Mereka ditawarkan supaya berkhidmat di *Guan dan ge* sambil menuntut ilmu dan menjadi penasihat kepada maharaja. Fungsi utama institusi-institusi tersebut adalah mendidik mereka supaya menjadi golongan intelek dan golongan intelek ini bersedia berkhidmat untuk negara pada bila-bila masa sahaja.⁹

⁹ Ibid., m.s. 504.

Sekiranya *Guan dan ge* kekurangan orang-orang yang berkebolehan , maka maharaja boleh melantik dan memberi kuasa kepada Sekretariat Imperial dan Biro Ketenteraan supaya mencadangkan nama orang-orang yang berkebolehan . Hanya dengan cadangan yang diluluskan oleh maharaja sahajalah , mereka ini ditugaskan di *Guan dan ge* . Walaupun proses ini mengambil masa , namun cadangan ini dapat memperseimbangkan penyelewengan sesetengah pihak dan seterusnya meransangkan pula semangat golongan yang benar-benar ingin menceburkan diri dalam arus pembangunan negara .

Dalam membangunkan semula dinasti Song , Fan Zhongyan sedar bahawa sikap negatif telah merebak dan sedang mendarah daging dalam jiwa kebanyakan pegawai kerajaan pada masa itu . Mereka menjalankan tugas dengan sikap berlengah-lengah dan sambil lewa tanpa keberkesanan . Sekiranya kelemahan ini tidak diatasi dengan sewajarnya , dibimbangi kelak ia akan membawa bencana kepada dinasti Song . Fan berpendapat bahawa pemimpin sesebuah negeri atau daerah merupakan faktor utama yang mengubah keadaan masyarakat dan kehidupan rakyat . Menelusuri semula sejarah , didapati bahawa pihak kerajaan sememangnya memandang berat terhadap perlantikan seseorang pegawai di peringkat jajahan ataupun daerah apabila negara berada di puncak kemajuan .¹⁰ Fan membantah keras sistem yang menaikkan pangkat pegawai-pegawai kerajaan secara automatik . Menurut beliau , tugas utama Pesuruhjaya Fiskal dan ketua Biro Ketenteraan ialah meronda di merata-rata tempat di seluruh negara , serta mengawasi keberkesanan

¹⁰ Ibid. , m.s. 507 .

tugas pegawai-pegawai kerajaan . Memandangkan tanggungjawab mereka amat berat , jawatan-jawatan tersebut harus dipegang oleh orang yang berkaliber .

Fan Zhongyan telah mengemukakan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah ini , antaranya termasuk :

1. merayu kepada maharaja supaya menurunkan perintah raja supaya melantik ketua Sekretariat Imperial dan Biro Ketenteraan untuk memilih dan merekomen sepuluh orang yang paling sesuai untuk memegang jawatan Pesuruhjaya Fiskal dan Pegawai Keadilan atau *tidian xingyu* 提点刑狱 dan juga sepuluh orang yang paling sesuai untuk memegang jawatan pentadbir di daerah-daerah yang penting . Penganugerahan atau penghukuman atas orang yang membuat cadangan ini (atau penyokong) akan bergantung kepada kelakuan pegawai yang mereka cadangkan .
2. dicadangkan bahawa Pegawai khas untuk mendraf Dokumen di Sekretariat (*zhi zhi gao* 知制诰) dan Ahli Akademi Hanlin (*Hanlin xueshi* 翰林学士) bersama-sama merekomen sepuluh orang yang paling sesuai untuk memegang jawatan pentadbir daerah .
3. bahawa Timbalan Suruhanjaya Kewangan (*sansi fushi* 三司副使) dan Penyelia Kewangan (*sansi panguan* 三司判官) bersama-sama merekomen lima orang yang paling sesuai untuk memegang jawatan pentadbir daerah .
4. Pegawai-pegawai pengawasan juga ditugaskan merekomen lima orang yang paling sesuai untuk memegang jawatan pentadbir daerah .

5. Pentadbir-pentadbir yang berkhidmat di ibukota Kaifeng perlu bersama-sama merekomen lima orang yang paling sesuai untuk memegang jawatan pentadbir daerah .
6. Pesuruhjaya Fiskal dan Pegawai Keadilan bersama-sama merekomen lima orang yang paling sesuai untuk memegang jawatan pentadbir daerah , selain itu , merekomen sepuluh orang yang paling sesuai untuk memegang jawatan pentadbir daerah kecil .
7. Pentadbir Daerah dan Penyelia Daerah dikehendaki merekomen dua orang yang paling sesuai untuk memegang jawatan pentadbir tempatan .

Apa yang penting ialah calon yang mendapat suara terbanyak dari pelbagai institusi dan pegawai atasan akan diberi keutamaan dalam mendapatkan jawatan . Di samping itu , Pegawai Kewangan dan Keadilan diberi kuasa untuk memperakukan orang-orang di bawahnya sebagai pentadbir daerah . Sekiranya pentadbir daerah ini mampu mentadbir kawasannya dengan baik , maka mereka akan dinaikkan pangkat menjadi pentadbir awam kerajaan pusat .

Untuk mengelakkan penyelewengan daripada perlantikan pegawai , Fan Zhongyan mengesyorkan bahawa segala cadangan yang dibuat oleh penyokong-penyokong itu akhirnya akan diputuskan oleh maharaja . Sistem pemilihan yang ketat ini dapat melahirkan pegawai kerajaan yang berkebolehan . Menurut Chen Rongzhao :

Pertama , cara rekomen sedemikian dapat menjamin bahawa orang-orang yang membuat cadangan dan pegawai yang direkomen tersebut akan memegang tanggungjawab politik masing-masing .Kedua , walaupun kuasa pemilihan pegawai-pegawai tempatan terletak dalam tangan golongan atasan , namun kuasa tersebut masih dibahagikan kepada institusi-institusi yang berlainan , ini dapat menyekat pengendalian secara diktator oleh setengah pihak . Ketiga , cara melantik seseorang pegawai berdasarkan prinsip jumlah cadangan yang diterima itu seakan-akan menepati sifat mengundi di mana komen menteri-menteri di istana mempunyai pengaruh yang amat besar dalam perkara ini .¹¹

4.2.2 Pembaharuan dalam Sistem Peperiksaan

Pada hakikatnya , medan peperiksaan merupakan medan yang menghasilkan para intelek . Fan Zhongyan sedar bahawa kelemahan negara adalah disebabkan oleh kurangnya orang-orang yang berkaliber . Dalam hubungan ini , sistem peperiksaan yang tradisional harus diubahsuai supaya mampu bersaing dengan keadaan masyarakat yang semakin rumit dan mencabar itu .

Memandangkan keadaan bahawa pemegang jawatan kerajaan awam boleh mendapatkan gaji yang lumayan atau pulangan yang memuaskan dari segi kebendaan dan kekuasaan , maka tidak hairanlah para pelajar ghairah mengejar kedudukan ini . Ramai daripada mereka bermatlamat mengejar kejayaan ini dan mereka sesungguhnya ingin mempertahankan harta benda mereka di bawah

¹¹ Chen Rongzhao , op.cit . ,m.s. 144 .

kedudukan istimewa ini.¹² Peperiksaan untuk pegawai awam memainkan peranan yang penting dan memberi kesan yang serius kepada dinasti Song. Nasib seseorang individu atau keluarga bahkan seluruh masyarakat turut berubah menerusi sistem peperiksaan ini. Pada zaman tradisional China, kedudukan, kuasa dan kekayaan yang diperolehi mempunyai hubungan pertalian yang rapat dengan jawatan yang dipegang dalam jabatan kerajaan.¹³

Sistem peperiksaan awam dinasti Song dibahagikan kepada dua kategori iaitu pertama, sistem peperiksaan biasa diadakan oleh kerajaan di beberapa peringkat¹⁴ pada masa yang ditetapkan dan sistem peperiksaan ini dikenali sebagai *Gongju* 贡举. Kedua, sistem peperiksaan yang dilangsungkan khas oleh maharaja dengan tujuan memilih orang yang berkaliber. Sistem peperiksaan ini dikenali sebagai *Zhiju* 制举, ianya tidak mempunyai tarikh peperiksaan yang tetap dan tema peperiksaan ditentukan oleh maharaja sendiri pada masa peperiksaan tersebut.¹⁵

Sistem peperiksaan dinasti Song memang mempunyai kelemahannya sendiri. Menurut Wang Yunwu 王云五, kelemahan-kelemahan sistem

¹² Jin Guantao 金观涛, Liu Qingfeng 刘青峰, *Xingsheng yu weiji* 兴盛与危机 (*Kegemilangan dan Krisis*), Hong Kong: Xianggang Zhongwen Daxue Chubanshe 香港中文大学出版社, 1992, m.s.71.

¹³ Jia Zhiyang 贾志扬, *Songdai keju* 宋代科举 (*Sistem Peperiksaan Keju Dinasti Song*), Taipei: Dongda Tushu Gongsi 东大图书公司, 1995, m.s. 5.

¹⁴ Calon dari peringkat daerah dikenali sebagai *juren* 举人. Calon yang lulus peperiksaan dari peringkat ibunegara dikenali sebagai *jinsi* 进士 dan calon yang mendapat tempat pertama dalam peringkat istana dikenali sebagai *zhuangyuan* 状元.

¹⁵ Chen Rongzhao, op.cit., m.s. 140.

peperiksaan dinasti Song adalah seperti berikut :

- 1.Sistem peperiksaan hanya mementingkan kitab-kitab klasik dan puisi tetapi tidak mementingkan ilmu yang praktikal .
- 2.Sistem peperiksaan hanya mengutamakan interpretasi kitab-kitab klasik tetapi tidak memahami tema-tema pentingnya .
- 3.Sistem peperiksaan hanya memandang berat terhadap kemerduan bunyi atau *shengyun* 声韵 tetapi mengabaikan isi kandungan esei tersebut .
- 4.Sistem peperiksaan hanya mementingkan kebolehan menulis tetapi tidak memandang berat tentang keperibadian calon .¹⁶

Bertitik tolak daripada persepsi inilah , Fan Zhongyan telah membuahkkan kritikan-kritikan yang membina terhadap sistem peperiksaan dinasti Song agar ia lebih progresif , efektif dan efisien . Menurut Fan Zhongyan :

- 1.Calon-calon harus mempunyai pengetahuan terhadap isu-isu politik atau *celun* 策论.
- 2.Calon-calon harus memahami prinsip dan dasar politik dalam pemerintahan negara .

¹⁶ Wang Yunwu王云五 , *Songyuan zhengzhi sixiang* 宋元政治思想 (*Pemikiran Politik Song dan Yuan*) , Taipei : Taiwan Shangwu Yinshuguan商务印书馆 , 1969 ,m.s. 16 .

3. Calon-calon harus mempunyai keperibadian dan tingkah laku yang mulia .
4. Perbincangan terbuka boleh diadakan di kalangan penyemak agar ketidakadilan daripada sikap pilih kasih penyemak tidak wujud .
5. Pembangunan dan pembinaan sekolah-sekolah digalakkan di mana setiap daerah besar dan daerah kecil perlu merekomen calon-calon yang mahir dalam kitab-kitab klasik serta mempunyai keperibadian yang mulia agar mereka bertanggungjawab atas penyebaran serta penyampaian ilmu .

Dasar pembaharuan dalam sistem pentadbiran yang disarankan oleh Fan Zhongyan bukan sahaja dapat mengurangkan masalah pegawai yang berlebihan dan menjimatkan wang negara serta seterusnya memanfaatkan ekonomi negara , malah apa yang penting ialah membina suatu masyarakat yang jujur dan memupuk nilai-nilai positif terhadap sistem pentadbiran dinasti Song supaya jentera pentadbiran dapat berjalan dengan lancar yang seterusnya mempertingkatkan produktiviti negara . Tambahan pula , polisi pembaharuan ini mempunyai makna yang lebih mendalam di mana polisi ini telah mengikis sebahagian hak istimewa politik yang ada pada tangan golongan pertengahan dan atasan . Sebaliknya juga polisi ini telah menyediakan peluang yang terbuka untuk para cendekiawan yang erba miskin . Selain itu , ianya juga membuka pintu kepada mereka yang mahir

dalam bidang ekonomi agar berkhidmat untuk negara . Oleh yang demikian sistem perlantikan pegawai kerajaan awam yang berdasarkan kebolehan telah diterima umum oleh mereka dengan hati yang terbuka . ¹⁷

4.2.3 Pembaharuan dalam Kehidupan Rakyat dan Sistem Ketenteraan

Dasar pembaharuan dalam memperbaiki kehidupan rakyat dan ketenteraan termasuklah pembahagian pendapatan yang lebih adil melalui sistem sawah , mementingkan pertanian , meringankan sistem kerahan dan pembaharuan dalam ketenteraan .

Secara lebih jelas , didapati bahawa kemiskinan yang menimpa rakyat jelata pada masa itu adalah akibat dari pembahagian pendapatan yang tidak adil melalui sistem sawah awam . ¹⁸ Menurut Fan Zhongyan , untuk mendidik dan memperolehi lebih ramai orang yang berkaliber , terlebih dahulu biar mereka mendapat jumlah pendapatan yang lumayan . Apabila mereka memperolehi pendapatan yang lumayan , maka mereka lebih rela bersifat sopan-santun dan baik-baik belaka serta bertanggungjawab terhadap tugas mereka . Dengan lain perkataan , budi pekerti seseorang itu adalah berhubungkait dengan jumlah pendapatannya .

¹⁷ Chen Rongzhao , op.cit. , m.s. 145-146 .

¹⁸ Sistem sawah awam merupakan sistem di mana pegawai-pegawai kerajaan diberi tanah sawah sebagai pembayaran gaji mereka .

Memandangkan pertambahan penduduk semakin serius dan kadar inflasi yang semakin tinggi pada tempoh Xianping 咸平(998—1003) zaman pemerintahan Zhen Zong, maka ramai calon ingin menceburkan diri dalam arena pentadbiran kerajaan untuk memperbaiki kehidupan mereka . Ini mengakibatkan bilangan pegawai membanjiri jentera pentadbiran kerajaan Song . Dalam konteks yang lain , proses perantikan dan perlanjutan perkhidmatan pegawai-pegawai yang mengambil masa yang begitu lama , iaitu sekurang-kurangnya dua hingga empat tahun , maka secara tidak langsung , hilanglah pendapatan bulanan bagi para pegawai . Malah ramai daripada mereka terjerumus ke dalam lembah kemiskinan . Bertitik tolak daripada situasi inilah , para pegawai kerajaan yang bergaji rendah terpaksa meminjam wang untuk membiayai kehidupan mereka . Bahkan ramai daripada mereka menerima rasuah demi membayar hutang-hutang terdahulu dan ada yang menjalankan perniagaan secara terbuka . Ini telah mengakibatkan persaingan yang hebat di antara rakyat jelata dan keuntungan telah dirampas oleh pegawai-pegawai yang tidak bermoral tersebut . Keadaan sedemikian telah memberi kesan yang buruk terhadap rakyat jelata yang miskin . Tambahan pula , sawah-sawah awam yang diberi kepada pegawai kerajaan tempatan sebagai sebahagian pendapatannya adalah berbeza dari segi saiz dan kesuburan tidak sepadan dengan pangkat mereka . Kelemahan ini telah memburukkan lagi keadaan di mana kes penyelewengan kian berleluasa di merata-rata tempat .

Menurut cadangan Fan Zhongyan , Sekretariat Imperial dan Biro Ketenteraan disarankan membincang dan memeriksa sistem sawah awam supaya

sawah dapat dibahagi secara samarata dengan adilnya . Manakala bagi pegawai kerajaan yang menyeleweng , mereka ini harus dijatuhkan hukuman yang setimpalnya . Apa yang penting ialah Fan berharap langkah ini mampu memperbaiki kehidupan pegawai tempatan dan seterusnya menggalakkan mereka menjadi pentadbir yang memanfaatkan rakyat jelata .

Sejarah telah membuktikan bahawa pembangunan dalam pertanian mampu membawa pendapatan yang lumayan terhadap negara . Memandangkan bidang pertanian bagaikan pemangkin kemajuan kepada dinasti Song , maka Fan Zhongyan berpendapat bahawa maharaja Song perlu mengambil ikhtibar daripada pengalaman terdahulu di mana pembangunan sektor pertanian adalah wajar dijalankan . Selain daripada itu , keberkesanan pentadbiran tertakluk kepada keberkesanan memelihara rakyat jelata di mana pemeliharaan rakyat pula bergantung kepada pengeluaran pertanian . Apa yang nyata , perkembangan dalam pertanian dapat menjamin kualiti kehidupan yang tinggi pada rakyat jelata . Apabila rakyat hidup dengan baik , barulah mereka akan menyayangi jiwa mereka dan takut pada penghukuman . Dalam hubungan ini , mereka tidak akan melakukan sebarang jenayah dan keadaan malapetaka serta kacau-bilau tidak akan berlaku .¹⁹

Walaupun perindustrian dan perniagaan semakin berkembang pada permulaan dinasti Song , namun ianya hanya tertumpu pada beberapa kawasan kota sahaja , rakyat biasanya tinggal di kawasan kampung dan kehidupan mereka adalah

¹⁹ Untuk keterangan lanjut , sila rujuk “ Da Shouzhao tiaochen shishi ” 答手诏条陈十事 dalam *FWZJ* , m.s. 507 .

bergantung sangat kepada pertanian . Bagi Fan Zhongyan , pembaharuan dalam bidang pertanian adalah amat penting sekali kerana bidang ini dapat membantu rakyat yang kebanyakannya merupakan petani-petani . Memandangkan kerajaan Song telah mengabaikan pengeluaran hasil pertanian , maka harga untuk makanan seharian dan kain sutera turut naik dan ini telah membebankan rakyat jelata . Menurut Fan , kerajaan Song membeli sebanyak dua juta pikul (*shi* 石) beras dari bahagian Jiangzhe 江浙 setiap tahun . Perbelanjaan dari membeli beras , ditambah pula dengan kos pengangkutan dari mengangkut beras ke ibukota , kerajaan dinasti Song terpaksa membelanja melebihi tiga juta “tali” (*guan* 贯) perak setiap tahun .²⁰ Di samping itu , rakyat yang miskin terpaksa menebang dan menjual pokok kertau dan pohon kurma yang sungguh bernilai itu demi mendapatkan duit untuk membayar cukai . Fan Zhongyan menggalakkan penebusan semula tanah demi mempertingkatkan produktiviti yang secara langsung mementingkan para petani .

Dalam aspek yang lain pula , Fan Zhongyan menyarankan pihak kerajaan agar menjalankan pembinaan terusan dan empangan supaya memudahkan pengairan serta mencegah segala masalah yang timbul pada musim kemarau dan banjir . Menurut seorang penulis Deng Yunte 邓云特 , statistik menunjukkan bahawa dinasti Song yang berlanjutan selama 320 tahun ini telah mengalami pelbagai malapetaka akibat dari bencana alam yang berjumlah 874 kes . Antaranya banjir berlaku sebanyak 193 kali , ianya merupakan bencana alam yang paling serius ; manakala kemarau sebanyak 183 kali dan ini merupakan bencana alam yang kedua

²⁰ Ibid. , m.s. 508 .

serius. Pada abad ke 11, banjir telah berlaku sebanyak 67 kali dan kemarau pula berlaku sebanyak 54 kali.²¹ Statistik ini memaparkan bahawa pengabaian dalam bidang pertanian dan pembinaan terusan serta empangan telah membawa kesan yang begitu buruk sekali terhadap negara. Justeru itu boleh disimpulkan bahawa pembangunan dalam bidang pertanian yang disarankan oleh Fan Zhongyan memang merupakan asas kepada pembangunan dan kemajuan dinasti Song.

Dasar meringankan sistem kerahan adalah bertujuan mengurangkan beban rakyat dan selain daripada itu adalah untuk memperbaiki kehidupan rakyat yang serba kurang. Secara lebih jelas, sejak zaman dahulu, sistem pencukaaian tradisional meliputi cukai tanah, perkhidmatan wajib kerajaan (atau kerja kerahan) dan lain-lain. Pada zaman dinasti Song, sistem perkhidmatan wajib yang dikenali sebagai *chaiyi* 差役 dibahagikan kepada dua kategori, iaitu mereka yang terdiri dari golongan tuan tanah dikehendaki menjalankan tugas *chaiyi* (tugas pentadbiran) dan golongan rakyat yang juga dikehendaki menjalankan tugas-tugas yang tertentu diklasifikasikan dalam kategori *fuyi* 夫役 (buruh paksa). Tugas-tugas *chaiyi* termasuklah menjaga harta-benda kerajaan, mengelolakan cukai serta menangkap perompak. Manakala mereka yang terlibat dalam *fuyi* pula bertanggungjawab untuk memperbaiki sungai, kerja-kerja pembinaan dan pengangkutan barang-barang yang dimiliki oleh kerajaan.²² *Chaiyi* sebenarnya bermula pada zaman Lima Dinasti. Ianya telah semakin bersifat sistematik pada

²¹ Deng Yunte 邓云特, "Zaihuang zhi shikuang" 灾荒之实况 (Keadaan Sebenar Masa Kemarau), *Zhongguo jiuzaishi* 中国救灾史, Vol. 1, Shanghai: Shanghai Shudian 上海书店, 1984, m.s. 22.

²² Chen Rongzhao, op.cit., m.s. 146—147.

dinasti Song . Mereka yang berkhidmat dalam sistem *chaiyi* mempunyai banyak gelaran dan sistemnya penuh rumit sekali .²³

Oleh sebab golongan tuan tanah dan anaccucu mereka dapat dikecualikan dari kerja-kerja kerahan , maka semua kerja tersebut ditanggung oleh rakyat yang majoritinya merupakan petani . Bahkan petani-petani ini dipaksa untuk menjalankan pelbagai kerja oleh kerajaan tanpa diberi gaji . Kerja-kerja yang membebani para petani pula secara tidak langsung menjejaskan hasil pengeluaran para petani . Malahan para petani terpaksa meninggalkan kampung halaman dan harta-benda mereka serta melarikan diri ke daerah-daerah yang lain .²⁴

Untuk mengurangkan beban rakyat jelata dari segi menjalankan tugas wajib kerajaan , Fan Zhongyan menyarankan supaya daerah-daerah kecil disatukan menjadi satu daerah yang lebih besar dan bilangan orang yang perlu berkhidmat untuk kerajaan tempatan itu boleh dikurangkan . Selepas proses penggabungan daerah-daerah kecil dilakukan , proses penyatuan diteruskan ke seluruh daerah besar dan wilayah . Menurut Fan , para petani di wilayah Xijing 西京 merupakan golongan yang paling miskin . Fan menyarankan supaya wilayah Xijing digabungkan menjadi 10 daerah di mana daerah-daerah kecil yang dihapuskan ditukar menjadi pekan . Beliau juga merekomen seorang pegawai awam dilantik dalam kawasan tersebut untuk mengelolakan tugas-tugas seperti mengendali penjualan minuman keras dan

²³ Song Xi 宋晞 , “ Songdai yifa yu hudeng de guanxi ” 宋代役法与户等的关系 (Perhubungan antara Sistem Kerahan dengan Klasifikasi Keluarga pada Zaman Dinasti Song) , *Songshi yanjiu lunji* 宋史研究论集, Taipei Zhongguo Wenhua Daxue Chubanbu 台北中国文化大学出版社 , 1988 , m.s. 1 & 26 .

²⁴ “Yanxing shiyi shilu ” 言行拾遗事录 , Vol. 3 , *FWZJ* , m.s. 684 .

mengutip cukai serta bertugas dalam pengelolaan banci penduduk . Apa yang penting ialah penggabungan daerah-daerah kecil boleh mengurangkan bilangan pegawai dan pekerja yang dilantik dan menjimatkan pendapatan kerajaan . Langkah tersebut juga membolehkan mereka yang dibebaskan daripada kerja kerahan menjalankan semula kerja-kerja penanaman yang terpaksa ditinggalkan oleh mereka pada masa dulu . Ini secara langsung dapat mempertingkatkan produktiviti pertanian .

Dari segi ketenteraan pula , dinasti Song menjadi semakin lemah sejak zaman pemerintahan Ren Zong . Memandangkan hakikat ini , Fan Zhongyan telah menghantar petisyen pada tahun 1025 dulu . Semasa Fan memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1043 kemudian , beliau juga mengemukakan idea-idea bernas untuk membaharui bidang ketenteraan negara . Dari sini dapat dilihat bahawa Fan amat risau dan bimbang terhadap pertahanan negara kerana sekiranya masalah ini tidak dibendung , maka akan timbullah konflik dan krisis yang lebih serius lagi .

Menurut Fan , kualiti askar adalah penting dalam membina satu pasukan tentera yang kuat dan gigih . Namun polisi pengambilan askar-askar pada dinasti Song bukan sahaja tidak ketat bahkan orang yang kurang sihat dan lemah turut diterima sebagai askar . Memandangkan ketua tentera merupakan penggerak utama kepada pasukan tentera , dalam hal ini , kemampuan untuk memimpin pasukan tentera harus dipertingkatkan . Selain daripada berbadan kuat dan sihat ,

mereka yang mahir dalam strategi berperang juga amatlah penting dalam medan peperangan. Ketua tentera harus belajar dan memahami taktik berperang (*bingfa*). Menurut Fan, pasukan tentera Song tidak kurang orang yang pandai memanah dan menunggang kuda serta mengetahui keadaan di sempadan, namun kekurangan pemahaman dalam taktik peperangan telah melemahkan daya pertarungan mereka dalam medan peperangan. Fan menyarankan supaya kedua-dua teori dan praktik harus digabungkan dan dipupuk demi melahirkan seorang ketua tentera yang handal dan profesional.²⁵

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 3, perhubungan di antara kerajaan Song dengan Xi Xia semakin tegang pada zaman pemerintahan Ren Zong. Justeru itu, pertahanan sempadan menjadi semakin penting. Oleh sebab kerajaan Song menjalankan dasar pemusatan kuasa sejak awal dinasti ini, pertahanan di sempadan Song menjadi semakin lemah di mana kuasa-kuasa asing dari sebelah utara dapat menyerang dan mengancam ibukota Song dengan mudahnya. Memandangkan hakikat ini, Fan meminta maharaja mengarahkan pegawai awam memperakukan orang yang handal dan taat setia dilantik dan kemudian dilatih dalam teknik-teknik ketenteraan yang berguna untuk pertahanan di bahagian sempadan. Cara ini sesungguhnya dapat melengkapkan kekuatan pertahanan negara.

Fan Zhongyan amat menyokong pada sistem askar milita yang dilaksanakan oleh dinasti Tang dahulu, iaitu memberi latihan ketenteraan kepada

²⁵ "Zouqi zhihui guozijian baozou wuxuesheng ji ling jinglue bushusi jiangshuo bingfa", 奏乞指挥国子监保奏武学生及令经略部署司讲说兵法, *FWZJ*, m.s. 525.

askar-askar sambilan apabila musim menanam tamat , manakala askar-askar milita tersebut akan menceburkan diri dalam pengeluaran pertanian pada musim menanam . Secara tidak langsung , langkah ini dapat menjimatkan perbelanjaan negara , sementara itu mereka ini juga menjadi tenaga askar yang paling berguna dalam pertahanan negara .

4.2.4 Pembaharuan dalam Pelaksanaan Perintah Diraja dan Undang-undang

Sesungguhnya hasrat sebenar Fan Zhongyan adalah bertujuan untuk memperkukuhkan status dan amanah maharaja . Kebiasaannya , maharaja akan melangsungkan upacara sembahyang tiga tahun sekali dengan memberi pengecualian cukai ke atas rakyat jelata . Tujuan amalan tersebut adalah untuk menunjukkan hasrat dan niat maharaja yang baik dan rakyat jelata memang gembira dengan pengecualian cukai itu . Walau bagaimanapun , secara praktik pula , pegawai-pegawai di peringkat daerah masih mengutip cukai dan mengenakan hukuman ke atas rakyat yang kurang berupaya membayar cukai itu . Bahkan hukuman rampas harta benda yang sewenang-wenangnya dijalankan ke atas rakyat . Dalam hal ini , perintah seperti pengecualian cukai , pengurangan kerja kerahan dan pemberian simpati kepada golongan lemah serta miskin telah menjadi kata-kata kosong yang boleh menjejaskan amanah dan martabat maharaja .

Memandangkan perintah yang tidak berkesan itu lama-kelamaan akan

menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat dan hilang kepercayaan terhadap maharaja , maka Fan Zhongyan berpendapat bahawa segala perintah maharaja mesti dilaksanakan oleh pegawai-pegawai di bawahnya . Sekiranya terdapat pegawai-pegawai yang tidak mengikut perintah dari jabatan-jabatan berkenaan seperti Suruhanjaya Kewangan , institusi fiskal dan lain-lain badan di daerah , hukuman harus dijatuhkan , iaitu dengan mengenakan kerja-kerja kerahan selama dua tahun ke atas mereka . Manakala bagi kes-kes yang lebih serius , hukuman mencacah muka akan dikenakan dan pegawai-pegawai tersebut juga akan dibuang negeri . Hanya dengan menjatuhkan hukuman yang berat ke atas pegawai-pegawai sahajalah , mereka akan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab mengikut perintah .

Di samping itu , Fan Zhongyan menyarankan bahawa maharaja menurunkan perintah ke atas Sekretariat Imperial supaya melantik pegawai yang bertanggungjawab untuk melawat ke semua jajahan dan daerah demi memerhati serta memahami penderitaan rakyat jelata . Secara ringkas , martabat maharaja dapat dipertingkatkan melalui perlaksanaan perintah diraja yang berkesan .

Fan Zhongyan sedar bahawa penyimpangan persepsi terhadap undang-undang mampu menggadaikan kewibawaan bangsa dan negara . Serentak itu , apa-apa dasar yang perlu dilaksanakan harus di hantar ke bahagian Sekretariat Imperial dan Biro Ketenteraan terlebih dahulu untuk dibincang dan diperiksa secara lebih mendalam demi mewujudkan satu sistem yang sempurna . Manakala

bagi kes-kes yang berhubungkait dengan undang-undang pula , pegawai-pegawai yang terlibat dalam pengkajian rang undang-undang harus berasal dari badan perbicaraan hukuman dan institusi perundangan dan kehakiman . Ini dapat melahirkan barisan kepimpinan yang cekap dan proaktif menjana pembangunan secara sistematik . Tambahan pula , ianya tidak akan terpesong dari garis undang-undang yang ditetapkan . Selain itu , Fan juga menyarankan bahawa sesiapa yang melanggar undang-undang , hukuman berat seperti menjalankan sistem kerahan selama dua tahun atau pukulan 100 kali akan dijatuhkan mengikut kesalahan yang mereka lakukan .

Sebagai kesimpulan , boleh dikatakan bahawa sekiranya cadangan dan fahaman yang dikemukakan oleh Fan ini dapat dijalankan , sesungguhnya perjuangan beliau untuk membina satu masyarakat yang unggul pasti akan memperolehi kejayaan yang hakiki dan abadi .